

Bahagian diderma tak boleh simpan lama

Kuala Lumpur: Organ daripada penderma mempunyai jangka hayat dan tidak boleh disimpan lama, bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik untuk penerimaanya.

Timbalan Ketua Jabatan dan Pengurus Klinikal Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Diana Mohd Shah, berkata organ berkaitan jantung boleh disimpan dalam tempoh empat hingga enam jam.

Katanya, bagi organ buah pinggang ia mampu bertahan sehingga 24 jam, paru-paru (lapan hingga 12 jam) kecuali tisu yang boleh disimpan dalam peti ais.

Pemindahan segera bagi penderma mati otak

“Organ untuk mati otak perlu pemindahan segera supaya berfungsi baik dan tidak terjejas.

“Penderma (mati otak) akan diberi sokongan mesin (bantuan hayat) sehingga ke dewan bedah.

“Tarikh luput kornea adalah dua minggu, manakala tulang panjang dan injap jantung sehingga lima tahun ke atas dalam peti sejuk dengan suhu negatif 20 hingga 193 darjah Celsius, tetapi jarang disimpan lama kerana sentiasa diperlukan,” katanya BH.

Dr Diana berkata, pihaknya bekerjasama dengan anggota kesihatan untuk meningkatkan jumlah pendermaan organ di hospital kerajaan dan swasta.

“Saya berharap mereka peka. Jika ada kematian perlu hubungi kita untuk menyemak status, sama ada si mati adalah pengikrar organ atau tidak.

“Kepekaan terhadap pengikrar yang sudah mati di hospital, memberi harapan kepada penerima organ meneruskan kehidupan.

“Penderma organ sebenarnya memberikan anugerah kehidupan dan kegembiraan kepada orang lain.

“Seorang pengikrar boleh membantu ramai pesakit dengan menderma lebih satu organ kepada penerima,” katanya.

[FOTO AZIAH AZMEE/BH]



Rakyat Malaysia dirayu supaya berikrar menjadi penderma organ bagi menyelamatkan nyawa orang lain.